



JABATAN PERKHIDMATAN AWAM

PELAWAAN PERMOHONAN BAGI PROGRAM PENAJAAN HADIAH LATIHAN PERSEKUTUAN SEPARA BIASISWA (HLPSB) TAHUN 2021

Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) ingin mempelawa pegawai kumpulan Pengurusan dan Profesional (P&P) yang memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan untuk memohon program penajaan Hadiah Latihan Persekutuan Separa Biasiswa (HLPSB) tahun 2021 melalui Ketua Jabatan atau/dan Ketua Perkhidmatan masing-masing. Program penajaan HLPSB tahun 2021 ini terbuka kepada pegawai **Perkhidmatan Awam Persekutuan dan Badan Berkanun Persekutuan sahaja** yang sedang mengikuti pengajian **secara separuh masa** di peringkat Sarjana atau Kedoktoran (Ph.D).

Pegawai kumpulan P&P di Kementerian/Jabatan/Agensi yang mempunyai peruntukan untuk mengendalikan kursus Pasca Ijazah atau agensi yang mempunyai badan penaja yang lain tidak layak memohon program penajaan HLPSB tahun 2021 ini. Antara Kementerian/Jabatan/Agensi yang dimaksudkan ialah **Kementerian Pendidikan Malaysia** (kecuali pegawai di bawah skim perkhidmatan gunasama dan jawatan kader), **Kementerian Pertahanan Malaysia** (kecuali pegawai di bawah skim perkhidmatan gunasama dan jawatan kader) dan **Kementerian Kesihatan Malaysia** (kecuali pegawai di bawah skim perkhidmatan gunasama dan jawatan kader), jabatan/agensi/badan berkanun yang telah diswastakan

/dikorporatkan/ diasingkan sistem saraannya (dibebaskan atau tidak dibebaskan) dan organisasi-organisasi lain yang berkaitan.

Pegawai P&P yang berminat dan berkelayakan boleh melengkapkan borang permohonan secara dalam talian melalui portal <http://esilav2.jpa.gov.my> mulai **jam 5.00 petang, 22 Jun 2021 sehingga 23 Julai 2021**. Borang permohonan yang lengkap beserta dokumen-dokumen sokongan yang berkaitan hendaklah dikemukakan dan diterima oleh pihak JPA **sebelum atau pada 30 Julai 2021** sama ada melalui serahan tangan / pos ke alamat berikut:

Ketua Pengarah
Jabatan Perkhidmatan Awam
Bahagian Pembangunan Modal Insan
Aras 3, Blok C2, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62510 PUTRAJAYA
(u.p: Unit Pengurusan Penawaran Dalam Perkhidmatan)

Maklumat terperinci berhubung permohonan / pencalonan program penajaan HLPSB tahun 2021 ini adalah seperti senarai lampiran yang telah disediakan.

Sebarang pertanyaan lanjut mengenai program penajaan HLPSB tahun 2021 boleh dibuat dengan menghubungi talian **03 – 8885 3438 / 3569** pada setiap hari bekerja (9.00 pagi – 5.00 petang) atau e-mel kepada penawaranldp@jpa.gov.my

Unit Pengurusan Penawaran Latihan Dalam Perkhidmatan
Bahagian Pembangunan Modal Insan
Jabatan Perkhidmatan Awam
22 Jun 2021

**SENARAI LAMPIRAN BERKAITAN
PROGRAM PENAJAAN HLPSB TAHUN 2021**

- LAMPIRAN 1** : Syarat-Syarat Permohonan Program Penajaan HLPSB tahun 2021
- LAMPIRAN 2** : Kemudahan dan Perjanjian Bagi Program Penajaan HLPSB tahun 2021
- LAMPIRAN 3** : Senarai Institusi Pengajian Tinggi Tempatan di bawah Program Penajaan HLPSB tahun 2021
- LAMPIRAN 4** : Senarai Bidang Pengajian di bawah Program Penajaan HLPSB tahun 2021
- LAMPIRAN 5** : Senarai Penyakit Kronik
- LAMPIRAN 6** : Borang Pengakuan dan Pemeriksaan Kesihatan bagi Program Penajaan HLPSB tahun 2021
- LAMPIRAN A** : Tatacara Permohonan oleh Pegawai dan Pencalonan oleh Ketua Jabatan / Ketua Perkhidmatan bagi Program Penajaan HLPSB tahun 2021
- LAMPIRAN B** : Borang Laporan Panel Pengurusan Sumber Manusia (PPSM) Kementerian/Jabatan untuk Kursus Dalam Perkhidmatan - JPA(L) LDP 1A/96
- LAMPIRAN C** : Borang Maklumat Ringkas Pengajian
- LAMPIRAN D** : Panduan Penyusunan Dokumen Permohonan / Pencalonan bagi Program Penajaan HLPSB tahun 2021